

Geran Keusahawanan RM20,000 kepada fakulti UMS

UB 29.3.2018 A4

KOTA KINABALU: Sejumlah RM20,000 Geran Keusahawanan diperuntukkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membantu aktiviti keusahawanan di peringkat fakulti.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Dr Ismail Ali berkata, geran itu bertujuan menyuntik budaya keusahawanan berdasarkan bidang dan kepakaran yang ada di fakulti masing-masing.

“Sebagai contoh kepakaran yang boleh memberipulangan di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) adalah dari segi perkhidmatan produksi media seperti percetakan, rekabentuk grafik, produksi filem, penghasilan video, fotografi, busana, lukisan, seramik dan arca,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran dan Penyampaian Geran Keusahawanan kepada 10 Fakulti di UMS di Bilik Mesyuarat Lembaga

Eksekutif, Bangunan Canselori di sini pada Rabu.

Menurut Ismail, daripada jumlah geran yang diperuntukkan itu, setiap fakulti menerima bahagian sama rata iaitu masing-masing mendapat RM2,000.

“Justeru, saya berharap para dekan dapat memantau dan mengambil penekanan serius bagi memastikan aktiviti keusahawanan di fakulti masing-masing berjalan lancar,” katanya.

Penyampaian geran kepada wakil setiap fakulti

disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Rasid Mail.

Untuk rekod, penyaluran Geran Keusahawanan itu merupakan inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui Bahagian Latihan dan Pembangunan Keusahawanan (BLPK) UMS.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua BLPK Dr Bonaventure Boniface dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Ahmadi Nurdin.



RASID (kiri) menyampaikan Geran Keusahawanan RM2,000 kepada Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Dr Zaiton Osman (tiga kanan) sambil diperhatikan Ismail (dua kiri), Bonaventure (dua kanan) dan Ahmadi (kanan).